

# BAB EMPAT

## BAB EMPAT

### RUMUSAN DAN SARANAN

Kajian perbandingan yang telah dijalankan ini telah pun membincangkan mengenai kesalahan curi dari pelbagai aspek sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan dan undang-undang jenayah Islam. Hasilnya, penulis dapat membuat beberapa kesimpulan terhadap peruntukan-peruntukan yang terkandung di bawah Kanun Keseksaan dari perspektif hukum Islam.

Jika dilihat dari sudut definisi 'mencuri', definisi yang diperuntukkan oleh seksyen 378 Kanun Keseksaan ternyata menepati definisi 'mencuri' yang diperuntukkan oleh para *fuqahā'* iaitu perbuatan mengambil harta milik oranglain secara senyap-senyap iaitu tanpa kerelaan dari pemiliknya dengan niat yang tidak jujur. Walaubagaimanapun, penulis ingin mengemukakan beberapa saranan sebagai penambahbaikan terhadap definisi sedia ada iaitu:

Pertama, tambahan perlu dibuat di dalam seksyen 378 bagi menjelaskan lagi siapakah yang dimaksudkan dengan 'pemilik' di bawah seksyen itu demi mengelakkan timbulnya kesamaran. Definisi 'mencuri' yang terkandung di bawah seksyen 378 Pakistan Penal Code Code (XLV 1860) yang turut menyebut secara jelas siapakah yang dimaksudkan dengan 'pemilik' boleh digunakan iaitu:

*"...[S]uch property belonging to another person as owner, mortgagee, custodian, trustee or administrator or in any other capacity entitling him to a legal claim"*

Kedua, suatu seksyen harus diwujudkan di dalam bahagian Huraian Am untuk memberikan definisi 'harta'. Huraian ini penting kerana ia merupakan pokok

utama di dalam menentukan samada sesuatu perbuatan itu dikatakan curi atau bukan kerana mengambil sesuatu yang bukan harta tidak dipanggil curi.

Ketiga, seksyen 378 tidak menjelaskan kadar harta alih tersebut. Apabila hal ini tidak dinyatakan, maka persoalan yang mungkin timbul ialah, apakah kesemua harta bolehalih tanpa mengira nilainya boleh dikategorikan sebagai harta curian? Walaupun seksyen 95 Kanun ada menyebutkan bahawa sesuatu perbuatan yang menyebabkan kerosakan yang sebegitu kecil bukan merupakan suatu kesalahan, namun seksyen ini juga tidak pula menyatakan apakah kadar atau nilai yang dikatakan sebagai kecil itu. Oleh itu, suatu nilai minimum harus ditetapkan ke atas harta yang diambil agar pesalah dapat dihukum secara adil menurut kesalahan yang dilakukannya. Penulis ingin menyarankan agar kadar minimum yang diperuntukkan di dalam hukum Islam diterimapakai sebagai panduan di dalam menetapkan nilai minimum harta curi kerana kadar *niṣāb* harta yang dicuri merupakan salah satu daripada elemen terpenting di dalam hukum Islam. Para ulama' telah memberikan berbagai pandangan dalam masalah ini iaitu 3 dirham bagi majoriti mazhab, 10 dirham bagi mazhab Ḥanafī dan bagi Ibnu Ḥazm pula tiada sebarang kadar yang tetap iaitu bergantung kepada budibicara pihak berkuasa menentukannya. Walaupun pihak berkuasa boleh memilih mana-mana satu daripada pandangan ini, namun penulis lebih cenderung kepada pendapat yang diutarakan di dalam Mazhab Ḥanafī yang telah meletakkan suatu kadar yang lebih tinggi memandangkan Rasulullah sendiri seboleh-bolehnya mahu mengelakkan hukuman *ḥadd*. Tambahan pula, hukuman *ḥadd* tidak seharusnya dijalankan kecuali di dalam hal-hal yang telah disepakati oleh para 'ulama'. Berhubung dengan konteks semasa pula, jika 3 dirham bersamaan dengan 4.25gram emas, bererti nilai 10 dirham adalah bersamaan dengan 14.166 gram emas. Memandangkan emas yang dijadikan nilai

ukuran *niṣāb* pada waktu pemerintahan ‘Abd al-Mālik Bin Marwān adalah emas dari jenis yang paling berharga dan paling tinggi nilainya pada ketika itu, maka dapatlah disimpulkan bahawa di dalam konteks hari ini, nilai minimum bagi *niṣāb* harta curian adalah mengikut nilai semasa emas yang paling tinggi nilainya pada hari ini.<sup>1</sup> Pada pandangan penulis, pandangan mazhab Ḥanafī adalah lebih sesuai dan munasabah serta lebih mudah diterima oleh masyarakat umum berbanding dengan pandangan majoriti (3 dirham) atau Ibnu Ḥazm misalnya, yang menyerahkan bulat-bulat kepada pihak berkuasa untuk menetapkan kadarnya tanpa meletakkan sebarang had minimum bagi kadar tersebut.

Hasil penilaian terhadap elemen-elemen perbuatan ‘mencuri’ yang terkandung di dalam Kanun Keseksaan pula, dapatlah disimpulkan di sini bahawa elemen-elemen perbuatan ‘mencuri’ yang diperuntukkan adalah sesuai dan selari dengan elemen-elemen ‘mencuri’ yang terdapat di dalam hukum Islam dan boleh dikekalkan penggunaannya.

Ertinya, jika dinilai dari aspek definisi dan elemen perbuatan ‘mencuri’ yang terkandung di dalam Kanun berdasarkan perspektif hukum Islam, maka dapatlah dirumuskan bahawa Kanun sedia ada di dalam kedua-dua sudut ini sudah bersifat ‘Islamik’ tanpa perlu melabelkannya dengan nama Undang-undang Jenayah Islam dan sebagainya. Walaubagaimanapun, persoalan samada perbuatan ‘mencuri’ yang dilakukan terkategori di dalam jenis jenayah *ḥudūd* atau *ta’zīr* perlu dihalusi lagi memandangkan hal ini tidak langsung terkandung di dalam Kanun Keseksaan.

---

<sup>1</sup> Di Pakistan, sek. 6 Ordinan Kesalahan-kesalahan Terhadap Hartabenda (Penguatkuasaan Hudud) 1979 menetapkan bahawa nilai *niṣāb* bagi harta curian ialah 4.457gram emas atau apa-apa harta yang mempunyai nilai yang sama dengannya. Di Libya pula, Artikel 2 (c) Undang-undang Mengenai Kesalahan Terhadap Hartabenda 1972 menetapkan nilai minimum bagi harta curian tidak kurang dari 10 dirham Libya pada waktu kesalahan dilakukan.

Dari aspek hukuman pula, hasil kajian yang dilakukan, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa hukuman bagi kesalahan mencuri yang diperuntukkan oleh seksyen 379,379(A), 380, 381 dan 382 Kanun Keseksaan hanya menepati kehendak hukum Islam sebagai hukuman *ta'zīr* sahaja. Hukuman penjara atau penjara dan denda atau penjara dan sebat yang diperuntukkan samasekali bercanggah dengan hukum Islam bagi kesalahan curi *ḥudūd* dan tidak cukup berat serta tidak setimpal dengan kesalahan curi *ḥudūd* yang dilakukan. Sekiranya hukuman sedia-ada terus dilaksanakan, jenayah curi tidak akan dapat dibendung dan kadar kes curi di negara ini tidak akan dapat dikurangkan. Oleh kerana itu, penulis ingin menyarankan kepada pihak kerajaan agar hukuman *ḥadd* potong tangan dilaksanakan di negara ini bagi kes-kes curi bersifat *ḥudūd* kerana ia mampu memberi kesan yang mendalam kepada pesalah dan masyarakat umum yang lain. Tambahan pula, bentuk hukuman ini bukanlah sesuatu yang asing kerana ianya telah pernah diterimapakai di Tanah Melayu pada zaman yang silam dan bukanlah suatu undang-undang yang asing di negara ini.<sup>2</sup> Walaubagaimanapun, bentuk-bentuk hukuman yang sediaada boleh terus dikekalkan sebagai hukuman bagi kesalahan curi *ta'zīr* di samping turut memperkenalkan bentuk-bentuk hukuman *ta'zīr* yang lain yang terdapat di dalam undang-undang Islam seperti nasihat, amaran, khidmat sosial, bayaran gantirugi, buang daerah, pengisytiharan kesalahan dan lain-lain.

Keistimewaan dan keunikan undang-undang Islam bagi kesalahan mencuri sememangnya tidak dapat dinafikan lagi, sesuai dengan sifatnya yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah. Sungguhpun demikian, sekiranya undang-undang ini benar-benar mahu dilaksanakan, beberapa modifikasi perlu dilakukan agar ianya dapat disesuaikan dengan perkembangan masyarakat sezaman serta dapat diterima

---

<sup>2</sup> Sila lihat kembali kajian terdahulu di hlm. xxi – xxii Pendahuluan.

oleh mereka. Konteks semasa ini perlu dilihat di dalam beberapa aspek seperti pentafsiran konsep harta dan tempat simpanan.

Berkenaan dengan konsep harta, untuk menilai samada sesuatu itu dikira sebagai harta atau tidak, perlulah dilihat dari konteks semasa. Sesuatu benda itu mungkin dianggap harta pada masa silam tetapi mungkin tidak lagi dianggap harta pada hari ini. Begitulah juga sebaliknya. Hasil penelitian terhadap pandangan *fuqahā'* klasik silam, ternyata tiada pentafsiran yang khusus di dalam menginterpretasikan konsep harta. Pelbagai definisi telah diberikan oleh mereka dan setiap definisi yang diberikan itu pula, adalah definisi yang sesuai dengan keperluan dan suasana semasa ketika itu. Perbezaan dan kepelbagaian definisi dan pandangan ini membawa erti bahawa konsep harta di dalam Islam sebenarnya luas dan boleh dikembangkan dari masa ke semasa sejajar dengan sifat hukum Islam yang fleksibel. Apa yang penting, prinsip-prinsip am yang telah digariskan oleh syarak tidak diketepikan di dalam keghairahan mentafsirkan konsep harta ini. Pada hari ini, konsep harta nampaknya semakin luas. Sebagai contoh, konsep harta intelek yang semakin mendapat tempat di negara ini. Persoalan yang berkaitan dengan kajian ini adalah, samada harta intelek juga termasuk di dalam kategori harta. Jawapan kepada persoalan ini penting kerana ianya berhubungkait dengan persoalan samada perbuatan seperti menciplak atau mempalagiat atau mencetak-rompak hasil karya orang lain termasuk di dalam kesalahan mencuri. Sehubungan dengan isu ini, penulis ingin menyarankan agar kajian khusus mengenai hal ini dilakukan oleh para penyelidik.

Selain itu, persoalan konteks semasa juga timbul di dalam masalah tempat simpanan (*hirz*). Persoalan ini cukup penting memandangkan undang-undang

Islam telah mensyaratkan harta yang diambil berada di dalam tempat simpanannya untuk membolehkan seseorang pesalah dikenakan hukuman *hadd*. Walaupun para ulama' telah memberikan pelbagai pandangan terhadap rupabentuk tempat simpanan ini, namun pandangan mereka itu adalah berdasarkan penggunaan dan adat kebiasaan semasa pada masa itu. Oleh yang demikian, apa yang dimaksudkan dengan tempat simpanan (*hirz*) juga perlu ditafsirkan berdasarkan penggunaan dan adat kebiasaan sesuatu tempat dan masyarakat. Dengan kata lain, apa-apa yang dianggap sebagai tempat simpanan pada masa kini di negara ini adalah juga tempat simpanan sebagaimana yang dikehendaki oleh Islam.

Secara amnya, dapatlah dirumuskan di sini bahawa undang-undang Islam adalah undang-undang yang paling unggul, istimewa, ideal dan bersifat realistik serta masih relevan untuk diterimapakai. Dakwaan yang mengatakan ianya sudah lapuk dan tidak sesuai lagi digunakan di zaman serba moden ini adalah tidak benar samasekali. Oleh yang demikian, usaha untuk merealisikannya dengan mengambilkira perkembangan masyarakat sezaman harus dilakukan memandangkan undang-undang sedia-ada yang terdapat di bawah Kanun Keseksaan ternyata mempunyai banyak kelemahan dan tidak mampu menangani masalah jenayah di negara ini. Selain itu, usaha untuk memberi penjelasan dan kefahaman yang tepat kepada masyarakat tentang undang-undang jenayah Islam ini juga harus dipertingkatkan agar kekeliruan dan salahfaham terhadapnya dapat dikikis.

Sekian.